HAKIM BESAR MALAYA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUDGE OF MALAYA
FEDERAL COURT
MALAYSIA
PUTRAJAYA

(26) PKPMP.PHBM.600-3/4/1

28 Februari 2025

Semua YA Hakim/ Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya

Semua Hakim Mahkamah Sesyen
di Semenanjung Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi di Malaya

Semua Majistret
di Semenanjung Malaysia

Yang Arif/ YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

SURAT PENTING HAKIM BESAR MALAYA BIL. 2 TAHUN 2025
PENYEDIAAN ALASAN PENGHAKIMAN RINGKAS BAGI KES-KES INTERLOKUTORI SIVIL DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA DAN MAHKAMAH RENDAH DI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita saya ingin mengingatkan Yang Arif/ YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan bahawa –

(a) Pekeliling Hakim Besar Malaya Bil. 3/2012 Penulisan Alasan Penghakiman Terhadap Keputusan Permohonan Intelokutori (Mahkamah Tinggi) (dilampirkan bersama-sama surat ini); dan

(b) Pekeliling Hakim Besar Malaya Bil. 1/2013 Penulisan Alasan Penghakiman Terhadap Keputusan Permohonan Interlokutori di Mahkamah Rendah (dilampirkan bersama-sama surat ini).

menyatakan bahawa Yang Arif/ YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dikehendaki menyediakan alasan penghakiman ringkas bagi kes interlokutori apabila Notis Rayuan difailkan.

2. Untuk tidak membebankan Yang Arif/ YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, alasan penghakiman tidak perlu ditulis begitu panjang. Justeru, berikut adalah struktur/ format alasan penghakiman yang dicadangkan:

(a) Nama pihak-pihak yang terlibat dalam kes;

(b) Ringkasan mengenai kes plaintif dan hujah-hujah utama yang dikemukakan oleh plaintif;

(c) Ringkasan mengenai kes defendan dan hujah-hujah utama yang dikemukakan oleh defendan;

(d) Isu-isu yang ditimbulkan dan perlu diputuskan;

(e) Prinsip undang-undang yang diguna pakai;

(f) Penemuan/ Keputusan; dan

(g) Alasan yang diberikan bagi penemuan/ keputusan tersebut.

3. Sukacita juga saya mengingatkan Yang Arif/ YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan bahawa alasan penghakiman hendaklah disiapkan **8 minggu** dari tarikh notis rayuan difailkan. Sila rujuk Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 1/2002 Alasan Penghakiman (dilampirkan di sini).

Arahan ini berkuat kuasa serta merta

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

(DATO' SRI HASNAH BINTI DATO' MOHAMMED HASHIM)
Hakim Besar Malaya

s.k.:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YA Tan Sri Datuk Nallini Pathmanathan
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Bahagian Dagang & Pembinaan) dan Mahkamah Rendah Kuala Lumpur (Bahagian Sivil)]

YA Dato' Zabariah binti Mohd. Yusof
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah Tinggi Selangor (Bahagian Sivil, Kuasa-Kuasa Khas, Keluarga, Pembinaan, Muamalat & Insolvensi) dan Mahkamah Rendah di Selangor (Bahagian Sivil)]

YA Tan Sri Datuk Harmindar Singh Dhaliwal
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah di Pulau Pinang, Kedah & Perlis]

YA Dato' Nordin bin Hassan
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Bahagian Sivil, Keluarga. Kuasa-Kuasa Khas & Jenayah) dan Mahkamah Rendah di Kuala Lumpur (Bahagian Jenayah)]

YA Dato' Abu Bakar bin Jais
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah di Johor]

YA Datuk Hanipah binti Farikullah
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur (Bahagian Sivil)]

YA Datuk Vazeer Alam bin Mydin Meera
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah di Perak]

YA Datuk Hajah Azizah binti Haji Nawawi
Hakim Mahkamah Rayuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah di Pahang, Terengganu & Kelantan]

YA Dato' Hashim bin Hamzah
Hakim Mahkamah Rayuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah Tinggi Selangor (Bahagian Jenayah) dan Mahkamah Rendah Selangor (Bahagian Jenayah) dan Mahkamah di Negeri Sembilan dan Melaka]

YA Dato' Lim Chong Fong
Hakim Mahkamah Rayuan
[Merangkap Hakim Pengurus bagi *Court-Annexed Mediatian (CAM)*]

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia, Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman, Putrajaya

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman, Putrajaya